

Najib turun padang tinjau golongan tiada rumah di ibu kota

Oleh **Fuad Hadinata Yaacob dan Muhamad Hafis Nawawi**
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Tempat khas gelandangan

Metro 11/7/14 Ms 14.

FOTO: SAIREN NAFIS DAN YUSNI ARIFFIN

Kerajaan akan membina sebuah tempat khas untuk golongan gelandangan yang dijangka siap dalam tempoh enam bulan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, tempat khas itu membolehkan golongan berkenaan tidur atau bermalam selain dilengkapi almari untuk menyimpan barangan dan bilik mandi.

Beliau berkata, dengan penyediaan tempat khas itu golongan terbabit tidak perlu lagi tidur di tepi jalan.

"Golongan ini memerlukan tempat seperti itu di mana mereka boleh tidur, bukan rumah flat. Kita sedang memikirkannya.

"Selepas ini, mereka tidak perlu lagi tidur tepi jalan. Kita akan mencari penyelesaian secepat mungkin dan dijangka dalam enam bulan lokasi untuk menempatkan golongan ini dapat diselesaikan," katanya ditemui selepas turun padang meninjau golongan gelandangan di sekitar Jalan Tun Perak di sini, malam kelmarin.

Lawatan itu turut disertai Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan ahli Najib Razak Club (NRC).



NAJIB melihat seorang gelandangan bersama anaknya tidur di kaki lima.



SUKARELAWAN mengagihkan makanan dan minuman kepada gelandangan sewaktu lawatan Najib.

Dalam kunjungan sejam itu Najib beramah mesra bersama gelandangan serta melihat sendiri aktiviti pengagihan makanan oleh 'soup kitchen'.

Minggu lalu Kementerian Wilayah Persekutuan membuat keputusan melarang 'soup kitchen' daripada beroperasi dalam lingkungan dua kilometer dari Bukit Bintang.

Bagaimanapun, Tengku Adnan memberi peluang kepada badan bukan kerajaan

(NGO) yang terbabit dalam pengagihan makanan untuk beroperasi sehingga 16 Ogos ini.

Tengku Adnan dilaporkan berkata pihaknya bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengenal pasti lokasi sesuai untuk penempatan golongan berkenaan dengan menyediakan bangunan seperti konsep Anjung Singgah yang

dilengkapi tempat tidur, pusat rawatan kesihatan serta menyediakan makanan percuma kepada golongan itu.

Sementara itu, Najib dalam Twitter dan Facebooknya berkongsi pengalaman selain menyatakan penghargaan terhadap peranan NGO yang memberi bantuan makanan dan minuman kepada golongan itu termasuk bantuan kesihatan.

Beliau berkata, apa yang dilakukan NGO berkenaan adalah satu usaha murni.

FAKTA
Najib lihat sendiri aktiviti pengagihan makanan Soup Kitchen